

**Muhyiddin Lawat Pameran Sarawak Gemilang 50 Tahun  
Bernama  
28 Aug, 2013**

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Lawatan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Pameran Sarawak Gemilang 50 Tahun di Kompleks Pelancongan Sarawak di sini hari ini memberi impak positif terhadap ramai pelawat yang terkejut melihat kehadiran beliau.

Muhyiddin, yang diiringi Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu dan menteri bertanggungjawab terhadap jawatankuasa pengelola pameran, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, meninjau dan mendengar taklimat mengenai bahan yang dipamerkan.

Jawawie Bongon, 72, pemimpin komuniti dari Skim Laru, Jalan Matang, di sini berkata walaupun tidak sempat bersalaman dengan timbalan perdana menteri namun beliau terharu kerana Muhyiddin sudi melawat pameran berkenaan dalam lawatan singkatnya ke negeri ini.

Aturcara lawatan Muhyiddin termasuk menghadiri majlis Aidilfitri anjuran kerajaan negeri di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) malam ini.

Pameran itu dimulakan dengan sejarah lampau Sarawak di bawah Kesultanan Brunei, rejim Brooke, penjajahan Jepun dan British selain kemerdekaan menerusi pembentukan Malaysia.

Pameran itu turut meliputi Sarawak pada era 1960-an hingga 1970-an, Gelombang Pertama Pembangunan atau Gelombang Pertama Kemakmuran, di bawah 'Politik Pembangunan' yang didukung Tan Sri Abdul Taib Mahmud sejak mengangkat sumpah jawatan sebagai ketua menteri pada 1981, Gelombang Kedua Pembangunan yang bermula dengan pengwujudan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (Score), dan pencapaian terkini negeri ini dalam pelbagai bidang.

Dua pelajar berumur 14 tahun, Emira Bathersyia Barqis Makir dan Haziiera Jaimin, dari Sekolah Seni Kuching, amat teruja kerana berpeluang melihat Muhyiddin sepintas lalu buat pertama kalinya dalam hidup mereka.

Emira berkongsi sentimen rakan sedarjahnya bahawa mereka terlalu gembira dapat bertemu timbalan perdana menteri memandangkan kesempatan itu tidak dijangka sama sekali.

Mereka mendapati pameran berkenaan sangat mendidik dan bermaklumat memandangkan bahan pameran serta data yang dipamerkan amat terperinci dan berguna dalam pengajian mereka.

Pameran itu, yang lokasinya sangat strategik berhampiran Tebingan Kuching, tempat tumpuan pelancong dan ikon bandar raya ini, mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973480>